

**SIARAN AKHBAR**

**19 Januari 2012**

**Ekuinas Perluas Portfolio F&B Menerusi Pelaburan RM64.7 Juta di dalam Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan Popeyes**

**Fakta Utama: -**

- Ekuinas melabur RM64.7 juta untuk pegangan ekuiti sebanyak 85.76% di dalam Revenue Valley Sdn Bhd (Kumpulan Revenue Valley) yang memiliki dan mengurus tiga jenama F&B popular – Manhattan Fish Market, Tony Roma's Malaysia dan Popeyes.
- Pelaburan di dalam Kumpulan Revenue Valley memperluaskan portfolio F&B Ekuinas kepada lima jenama popular dengan jumlah jualan terkumpul mencecah hampir RM200 juta.
- Pelaburan ini memberi landasan kepada Kumpulan F&B Ekuinas untuk melebarkan sayap ke pasaran serantau dengan rantaian operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.

**KUALA LUMPUR, 19 Januari 2012:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelaburan sebanyak RM64.7 juta untuk pegangan ekuiti 85.76% di dalam Kumpulan Revenue Valley, sebuah kumpulan F&B yang pesat berkembang di Malaysia dan Singapura. Kumpulan Revenue Valley kini memiliki dan mengurus Manhattan Fish Market, restoran makanan laut kasual yang popular; francais Tony Roma's di Malaysia, sebuah restoran layanan penuh (FSR) kasual yang terkenal dengan menu stik dan daging rusuk; serta francais Popeyes di Malaysia dan Singapura, sebuah rangkaian restoran layanan pantas (QSR) yang menawarkan hidangan sajian ayam dan makanan laut.

Pelaburan terbaru ini adalah susulan kepada pelaburan Ekuinas sebelum ini di dalam francais tempatan Burger King®, sebuah rangkaian QSR terkemuka dunia, dan San Francisco Coffee, sebuah rangkaian kedai kopi yang popular di Malaysia. Ini merupakan sebahagian penting daripada strategi Ekuinas untuk membentuk sebuah Kumpulan F&B Malaysia terkemuka yang mempunyai portfolio jenama F&B tempatan dan global merangkumi kesemua segmen pasaran.

Ekuinas kini mempunyai lima jenama F&B dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM200 juta meliputi 97 cawangan serata Malaysia, Singapura dan Thailand.

Pelaburan RM64.7 juta di dalam Kumpulan Revenue Valley ini melibatkan pembelian ekuiti daripada pemegang saham sedia ada (terutamanya Sweet Benefit Sdn Bhd dan Creative Goal Sdn Bhd), serta suntikan modal tambahan bagi membiayai program penambahan cawangan secara agresif yang bakal dijalankan. Cadangan pelaburan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat terdahulu dan dijangka dimuktamadkan suku pertama 2012.

Kumpulan Revenue Valley telah ditubuhkan pada tahun 2002 oleh usahawan George Ang dan Dickson Low, yang akan terus kekal di dalam syarikat sebagai pemegang saham minoriti. Kumpulan ini telah berkembang pesat sehingga kini dengan 47 buah cawangan merangkumi ketiga-tiga jenama serta telah mencatatkan jumlah jualan hampir RM100 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2010.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira dengan pelaburan di dalam Kumpulan Revenue Valley kerana ini dapat mengukuhkan lagi rancangan kami untuk membina sebuah kumpulan F&B ternama di Malaysia dengan portfolio pelaburan yang merangkumi pelbagai jenama. Tambahan pula, dengan lebih 20 cawangan restoran di Singapura dan Thailand, Kumpulan Revenue Valley serta-merta menempatkan kami di pasaran serantau dan berupaya menjadi pemangkin bagi pelan perkembangan Kumpulan F&B Ekuinas di masa hadapan."

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad menjelaskan, "Kami amat teruja dengan pelaburan di dalam Kumpulan Revenue Valley memandangkan ia adalah sebuah syarikat berpotensi tinggi dengan kumpulan pengurusan yang mantap serta mempunyai rekod prestasi yang kukuh dalam penjanaan pertumbuhan. Selain itu, dengan memiliki lima jenama di bawah Kumpulan F&B kami, Ekuinas berpeluang memanfaatkan sinergi seluruh rangkaian dari segi perkembangan cawangan, pemasaran dan komunikasi, serta operasi pentadbiran."

"Kami berharap pelaburan di dalam jenama-jenama ini dapat memberi Ekuinas sebuah landasan yang kukuh bagi membina salah satu kumpulan F&B yang terbesar di Malaysia, selaras dengan mandat kami untuk membentuk syarikat-syarikat berpotensi tinggi menjadi peneraju pasaran di masa hadapan," ujar beliau selanjutnya.

Pelaburan di dalam Kumpulan Revenue Valley merupakan pelaburan Ekuinas yang kelapan setakat ini. Dengan pelaburan terbaru ini, jumlah komitmen pelaburan Ekuinas adalah sebanyak RM659.64 juta dan, bersama dengan modal rakan pelabur, Ekuinas telah berjaya menjana jumlah kemasukan modal sebanyak RM779.28 juta ke dalam ekonomi Malaysia.

- tamat -

#### **Mengenai Ekuinas**

---

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodal dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menuju menuju syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

#### **Mengenai Kumpulan Revenue Valley**

Kumpulan Revenue Valley adalah sebuah syarikat F&B Malaysia berpotensi tinggi yang memiliki serta mengurus cawangan-cawangan F&B seperti Manhattan Fish Market, francais Tony Roma's di Malaysia dan francais Popeye's di Malaysia dan Singapura. Kumpulan tersebut kini mempunyai seramai 800 orang kakitangan meliputi kesemua 47 cawangan di Malaysia, Singapura dan Thailand, dan bakal memperkenalkan jenama-jenama tersebut ke seluruh rantau ini dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi: -*

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, [AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com) (03) 6209 5223  
Anis Azharuddin, Weber Shandwick, [AAzharuddin@webershandwick.com](mailto:AAzharuddin@webershandwick.com) (03) 6209 5213